

## SOKONGAN IBU BAPA TERHADAP PENDIDIKAN ANAK PENDIDIKAN KHAS (PK)

<sup>a</sup> Zaiton Sharif

<sup>b</sup> Gunasegaran a/l Karuppanan, Ph.D

<sup>a</sup> IPG Kampus Pendidikan Teknik, Kementerian Pendidikan Malaysia

<sup>b</sup> Universiti Selangor (UNISEL)

<sup>a</sup>zaitonsharif@yahoo.com.my

<sup>b</sup>drguna@unisel.edu.my

**Abstrak:** Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji sejauh mana sokongan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak pendidikan khas di peringkat sekolah berdasarkan 4 faktor aspek persekitaran iaitu (a) penyediaan suasana pembelajaran di rumah, (b) interaksi sosial dengan anak, (c) komunikasi dengan anak, dan (d) sokongan terhadap kecemerlangan anak-anak mengikut jantina dan peringkat kelulusan tertinggi ibu bapa. Kajian ini melibatkan seorang bapa yang mempunyai dua orang anak berkeperluan khas yang bersekolah di SK Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang(1 orang) dan SMK Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang( 1 orang) dan seorang ibu yang mempunyai seorang anak berkeperluan khas yang bersekolah di SK Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang. Responden bagi kajian ini dipilih secara sampel bertujuan. Kajian tinjauan ini menggunakan kaedah temu bual dalam mendapatkan maklumat dan dianalisis secara manual melibatkan pengkodan dan interpretasi data. Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam sokongan ibu bapa berdasarkan 4 faktor aspek persekitaran mengikut jantina dan peringkat kelulusan tertinggi ibu bapa.

**Kata kunci:** persekitaran, interaksi sosial, komunikasi, sokongan

**Abstract:** This study aims to assess the extent to which support parents in the education of children with special needs in schools based on four factors of environmental aspects, namely (a) the provision of learning environment at home, (b) social interaction with children, (c) communication with children and (d) support for excellence in children by gender and parents' highest approval ratings. The study involved a father who has two children with special needs who attend school at SK Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang (1) and SMK Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang (1) and a mother who has a child with special needs who attend SK Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang. Respondents for this survey were selected for the sample. This survey research using interview methods in getting the information and analyzed manually with coding and data interpretation. The findings showed that there were significant differences in parental support based on 4 factors of environmental aspects by gender and of the highest approval ratings of parents.

**Keywords:** environmental, social interaction, communication, support

### PENDAHULUAN

Anjakan ke-9, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 telah menetapkan bahawa penglibatan ibu bapa, komuniti serta pihak swasta perlu diperluas dan diperkasakan peranan dan tanggungjawab dalam pendidikan. Perubahan persekitaran pendidikan semasa menuntut penglibatan ibu bapa, komuniti malah pihak swasta dengan lebih aktif. Ekosistem pembelajaran pada abad ke-21 telah mengubah konsep pendidikan berasaskan sistem sekolah kepada sistem

pembelajaran (*learning system*) yang lebih luas cakupannya. Dalam ekosistem pembelajaran terkini, pembelajaran boleh berlaku di mana-mana dan pada bila-bila masa. Kajian yang dijalankan oleh *Centre for Social Organisation of Schools* di Amerika Syarikat mendapati sekolah yang melibatkan kumpulan komuniti menikmati manfaat termasuk penurunan kadar ponteng sekolah, kadar menyiapkan kerja sekolah yang lebih tinggi, dan pencapaian gred yang lebih baik dalam kalangan murid (PADU, 2015).

Dalam sesebuah institusi keluarga, ibu bapa selaku ketua keluarga merupakan peranan terpenting dalam melahirkan masyarakat yang harmonis, berilmu, berdaya saing dan seterusnya melahirkan warga yang cemerlang dalam mencapai wawasan yang seimbang antara kemajuan dan pembangunan modal insan. Menurut Rohner, Ronald dan Veneziano (2001), dalam institusi keluarga, ibu bapa merupakan individu yang paling hampir dengan anak-anak dan mereka yang mencorak perkembangan peribadi anak-anak bermula pada peringkat kelahiran sehinggalah ke peringkat dewasa. Tajul Ariffin (1990) pula berpendapat bahawa ibu bapa berperanan dalam mewujudkan suasana pembelajaran yang sesuai untuk anak-anak di samping membimbing mereka agar mengamalkan proses belajar yang betul. Kedudukan dan peranan ibu bapa merupakan agen paling utama dalam pendidikan kerana keluarga dan persekitaran rumah merupakan tempat di mana pendidikan asas bermula. Ibu bapa berperanan penting dalam membentuk sikap yang positif dalam kalangan anak-anak mereka terhadap pendidikan

Mohd Zakaria (2007), yang mengkaji faktor persekitaran menyatakan bahawa fokus utama kejayaan pelajar merangkumi beberapa faktor iaitu kemahiran yang membantu pelajar untuk cemerlang, pengajaran yang memberi kesan kepada pelajar, sokongan ibu bapa, pengaruh rakan sebaya terhadap pencapaian akademik, pengurusan kelas yang selesa dan suhu kelas. Tahap kecemerlangan yang tinggi atau rendah membuktikan sejauhmana pelajar dapat mengikuti proses Pengajaran dan Pembelajaran. Pencapaian yang cemerlang akan menggambarkan tentang persediaan pelajar dalam mengikuti program yang telah disusun dan akan memberi motivasi kepada mereka samaada meneruskan pelajaran diperingkat yang lebih tinggi atau bersedia dari segi mental dan fizikal untuk menceburkan diri dalam pasaran kerja.

### **PENYATA MASALAH**

Pendidikan melibatkan idea-idea dan aktiviti-aktiviti yang melibatkan teori dan praktikal. Setiap individu dari pelbagai lapisan masyarakat mementingkan pendidikan sebagai cara mempertingkatkan mutu kehidupan. Pendidikan tidak dapat dipisahkan dari dunia pelajar. Walau bagaimana pun, pencapaian akademik pelajar adalah berbeza-beza kerana dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Latar belakang anak-anak adalah pengaruh utama anak-anak tidak mencapai matlamat dalam pendidikan. Kajian-kajian menunjukkan bahawa matlamat dalam pendidikan bukan sahaja dipengaruhi oleh budaya oleh budaya dan masyarakat disekitar sesebuah keluarga, tetapi juga faktor pendidikan ibu bapa, pendapatan keluarga serta penglibatan ibubapa dalam pembelajaran anak-anak di rumah.

Berdasar kepada kajian Lareau (2000), keangan masa adalah faktor utama yang menyebabkan ibu bapa kurang peka terhadap peranan mereka dalam pendidikan anak-anak dan membiarkan anak-anak

belajar tanpa pemantauan. Keterlibatan ibu bapa di rumah mahupun di sekolah secara berterusan didapati berkait rapat dengan pencapaian akademik anak-anak (Christenson, Rounds & Gorney 1992; Izzo et al. 1999; Keith & Lichtman 1994; Miedel & Reynolds (1999); Shaverand & Walls 1998). Namun, tumpuan kajian tentang penglibatan ibu bapa masih lagi tertumpu kepada murid di tahap awal persekolahan sahaja, (Arnold, Zeljo & Doctorof 2008). Manakala di peringkat lebih tinggi tidak diberi fokus lantaran umum beranggapan bahawa pelajar atau anak-anak pada peringkat ini sudah pandai untuk membawa dan menguruskan diri sendiri. Hal ini akan memburukkan keadaan anak-anak di peringkat awal remaja atau peringkat awal sekolah menengah lantaran penumpuan ibu bapa hanya lebih diberikan kepada peringkat awal persekolahan.

Penglibatan ibu bapa yang semakin berkurangan dalam pembelajaran dan aktiviti sekolah dari semasa ke semasa setelah anak-anak mereka semakin membesar akan memberikan kesan terhadap pencapaian pelajar (West et al.1998). Taraf latar belakang ekonomi dalam institusi keluarga turut memainkan peranan penting dalam mempengaruhi sokongan dan keterlibatan ibu bapa terhadap pembelajaran anak-anak. Menurut Rohaty (2003), menyatakan ibu bapa dari keluarga miskin di Malaysia kurang memperhatikan tentang pentingnya pembentukan sendiri pada usia awal anak-anak. Keadaan di rumah kurang merangsangkan pembelajaran di persekitaran mereka (Arnold, Zeljo & Doctoroff, 2008). Akhirnya ibu bapa kehilangan peluang untuk mengembangkan anak-anaknya secara maksima (Ishak, 2004)

### **OBJEKTIF KAJIAN**

Mengkaji tahap sokongan ibu bapa berdasarkan faktor penyediaan suasana pembelajaran di rumah, interaksi sosial dengan anak, komunikasi dengan anak, dan sokongan terhadap kecemerlangan anak mengikut jantina ibu bapa.

Mengkaji tahap sokongan ibu bapa berdasarkan faktor penyediaan suasana pembelajaran di rumah, interaksi sosial dengan anak, komunikasi dengan anak, dan sokongan terhadap kecemerlangan anak berdasarkan peringkat kelulusan tertinggi ibu bapa.

### **SOROTAN LITERATUR**

Sokongan dan penglibatan ibu bapa di rumah dikatakan berlaku apabila ibu bapa membantu anak-anak menyiapkan kerja sekolah, memberi sokongan dan galakan kepada anak-anak untuk belajar, menyediakan masa dan tempat belajar yang sesuai dan selesa untuk anak-anak, menunjukkan tingkah laku yang baik kepada anak-anak dan sentiasa memperuntukkan masa untuk mereka. Seterusnya penglibatan ibu bapa juga dikatakan berlaku apabila ibu bapa sering berhubung dengan pihak sekolah atau pusat-pusat asuhan melalui panggilan telefon, email atau melalui urusan surat-menyurat untuk mengetahui tentang perkembangan anak-anak mereka (Mahani, 2009).

Sikap ibu bapa terhadap pendidikan anak-anak penting dalam menentukan kejayaan mereka dalam akademik. Ibu bapa yang bersikap positif akan dapat turut serta dalam aktiviti pembelajaran anak-anak dan menyediakan suasana pembelajaran yang sesuai untuk anak-anak di rumah. Rohaty (2003) menyatakan ibu bapa dari keluarga miskin di Malaysia kurang memperhatikan anak-anak di rumah. Keadaan di rumah kurang merangsangkan pembelajaran dip persekitaran mereka (Arnold, Zeljo & Doctoroff, 2008). Ibu bapa yang sentiasa memberi dorongan dan aspirasi kepada anak-anak boleh memberi kesan yang baik terhadap perkembangan dari segi mental dan fizikal (Zukina, 2003). Walaubagaimanapun, tidak semua ibubapa mampu memberikan rangsangan dan penglibatan yang positif kepada anak-anak kerana terdapat kekangan-kekangan yang tidak dapat dielakkan.

Walaupun bagaimanapun, sebagai seorang individu yang masih berada di alam persekolahan, anak-anak terutamanya pada peringkat awal remaja memerlukan perhatian dan keterlibatan ibu bapa secara langsung dan erat demi mempengaruhi arah tuju anak-anak agar langkah yang diatur oleh anak-anak mereka tidak akan terpesong. Anak-anak yang masih bersekolah pada peringkat awal mahupun pertengahan masih memerlukan sokongan yang berbentuk penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran mereka di mana perkara ini secara tidak langsung telah mewujudkan satu dorongan dan sokongan moral yang kuat untuk anak-anak lebih berjaya dalam pelajaran. Ibu bapa yang sentiasa mendampingi anak-anak mereka akan membuatkan anak-anak merasa mereka dihargai dan selamat. Ini membantu mereka membesar dalam keadaan sempurna dan perkembangan diri mereka juga tidak terjejas. Kajian-kajian lepas juga menunjukkan bahawa penglibatan ibu bapa sangat penting dalam pencapaian akademik seseorang anak (Yan & Lin, 2005).

Rohaty, (2003) berpandangan bahawa keterlibatan dan sokongan ibu bapa dalam proses pendidikan amatlah penting bagi membentuk konsep diri anak-anak mereka. Konsep diri merupakan keseluruhan persepsi keseluruhan seseorang terhadap dirinya sendiri sama ada berbentuk deskriptif ataupun penilaian secara kognitif. Salah satu daripada kesan konsep diri adalah ke atas pencapaian akademik. Menurut Ishak, (2004) tinggi atau rendahnya pencapaian akademik adalah bergantung kepada positif atau negatifnya tanggapan konsep diri seseorang terhadap pelajaran. Justeru itu, kecemerlangan murid tidak dapat dicapai seandainya penglibatan ibu bapa murid dalam program dan aktiviti sekolah tidak dapat ditingkatkan (Henderson & Mapp 2000).

Shaverand, Walls (1998) dan Epstein (2001), menyatakan bahawa penglibatan dan sokongan ibu bapa bukan sahaja hanya di sekolah malahan ibu bapa perlu melibatkan diri dalam pendidikan anak-anak di rumah. Menurut Morrison (1978), pengertian daripada penglibatan ibu bapa yang komprehensif adalah proses aktualisasi daripada potensi ibu bapa, untuk membantu

ibu bapa mencari kekuatan, potensi dan bakatnya serta menggunakannya bagi diri mereka sendiri dan keluarga. Penglibatan ibu bapa secara meluas diyakini menjadi penting bagi perkembangan akademik pada peringkat awal kanak-kanak. Sebagai contoh, pembinaan penglibatan ibu bapa adalah tujuan utama dari Jabatan Pendidikan Amerika Syarikat (Fantuzzo et al., 1999 dalam Arnold et al. 2008) dan merupakan landasan filosofis daripada Head Start (Administration for Children and Families, 2006 dalam Arnold et.al 2008). Teori menunjukkan pentingnya penglibatan ibu bapa dalam pembinaan kemahiran akademik sejak awal (Christenson, 2004). Menurut Berger (1995), pengetua mempunyai 4 peranan kepimpinan dalam penglibatan ibu bapa, iaitu sebagai pembina moral, pereka bentuk program, pembina hubungan dengan ibu bapa dan penyelar program penglibatan ibu bapa. Sedangkan ibu bapa mempunyai beberapa peranan iaitu sebagai pembuat polisi, guru bagi anak-anaknya, pihak yang digaji, sukarelawan yang bersifat sementara, atau sebagai penonton sahaja.

Ogbu dan Simons (1998), dalam kajian mereka mengatakan bahawa tahap motivasi ibu bapa, sikap, sokongan dan komitmen mereka mempengaruhi kanak-kanak untuk berprestasi baik di sekolah. Ini secara tidak langsung mempengaruhi perkembangan sosioemosi kanak-kanak dari segi yakin diri dan berani kerana ibu bapa akan memberi dorongan dan sokongan bagi setiap aktiviti yang mereka lakukan. Kebolehan berinteraksi kanak-kanak juga akan meningkat dengan penglibatan mereka dalam aktiviti seperti riadah, karnival sukan prasekolah dan sambutan hari raya peringkat sekolah.

Menurut Gestwicki (2004), kekangan dalam membangun hubungan antara ibu bapa dan guru bagi tujuan penglibatan ibu bapa, dapat dibezakan menjadi faktor dalaman dan faktor luaran. Faktor dalaman mencakupi masalah antaranya keperibadian guru yang kurang suka bersosialisasi dengan ibu bapa, perbezaan antara pengalaman guru dan ibu bapa sehingga seringkali guru memandang ibu bapa kurang pengetahuan berbanding dengan guru yang dilatih secara profesional. Faktor berikutnya ialah isu kepercayaan iaitu anggapan negatif tentang kemampuan keluarga. Faktor luaran mencakupi masalah waktu yang dimiliki oleh guru. Apabila falsafah sekolah dan tindakan administratif tidak menyokong perkongsian dengan keluarga, guru tidak akan mempunyai waktu untuk memberi maklumbalas kepada ibu bapa. Idea lama tentang penglibatan ibu bapa yang terlalu formal kurang menyokong hubungan baik antara pihak sekolah dan ibu bapa (Swap, 1993 dalam Gestwicki, 2004). Selanjutnya guru yang terlalu sibuk menjadi kekangan dalam penglibatan ibu bapa. Hal ini membuat ibu bapa enggan bertemu guru. Apabila dasar pentadbiran sekolah mempunyai polisi yang melarang hubungan dan diskusi antara ibu bapa dan kakitangan sekolah, maka ibu bapa kehilangan peluang untuk membangun hubungan dengan guru. Kekangan lain adalah ibu bapa

yang berminat untuk terlibat dengan aktiviti sekolah tetapi tidak ada pembantu rumah, atau ibu bapa yang bekerja, menganggap sekolah membosankan dan tidak wujud komunikasi dua hala dalam mesyuarat (Rohaty dan Abu Bakar, 1994).

Kajian oleh Ogbu dan Simons (1998) serta Yan dan Lin (2005) menjelaskan bahawa rumusan keseluruhan kajian-kajian lepas mendapati bahawa penglibatan ibu bapa di sekolah, semasa di rumah dan komuniti sangat ketara mempengaruhi pencapaian akademik anak-anak di sekolah, membantu anak-anak membina kesihatan mental yang sihat dan lebih aktif berbanding pelajar yang ibu bapa tidak melibatkan diri di sekolah.

### KEPENTINGAN KAJIAN

Dapatan kajian ini akan memberi beberapa faedah kepada pihak ibu bapa, sekolah, guru-guru dan pihak kerajaan kerana hasil kajian dapat memberikan gambaran sejauh mana amalan penglibatan dan sokongan ibu bapa dalam pendidikan dan pembelajaran anak-anak, dan menggalakkan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia untuk memastikan kesesuaian kurikulum yang digubal dan melakukan penambahbaikan untuk melibatkan ibu bapa dalam pelaksanaan program pendidikan khas.

### KERANGKA TEORITIKAL

Kerangka teori yang dibina dalam kajian ini melihat beberapa pemboleh ubah dalam sokongan ibu bapa terhadap pembelajaran anak-anak. Teori Pembelajaran Sosial menjadi asas kepada kajian ini di mana tingkah laku bertanggungjawab ibu bapa berdasarkan teori ini adalah sesuai dan saling bergantung serta dapat mencetus kepada keterlibatan ibu bapa terhadap pembelajaran anak-anak. Penglibatan ibu bapa dapat merangsang kepada peningkatan pencapaian pendidikan. Tingkah laku manusia yang ditekankan dalam Teori Pembelajaran Sosial ini dapat menjelaskan kesan tingkahlaku manusia terhadap persekitarannya. Merujuk kepada teori ini, sikap ibu bapa yang cenderung melibatkan diri terhadap pembelajaran anak-anak akan mendapat hasil timbal balik apabila anak-anak mereka menunjukkan peningkatan dalam pendidikan.

Teori Pembelajaran Sosial yang dikemukakan oleh Bandura telah memberi penekanan tentang bagaimana perilaku manusia dipengaruhi oleh persekitaran melalui penegasan (*reinforcement*) dan pembelajaran peniruan (*observational learning*), dan cara berfikir terhadap sesuatu maklumat dan juga sebaliknya, iaitu bagaimana tingkah laku mempengaruhi persekitaran dan menghasilkan penegasan (*reinforcement*) dan peluang untuk diperhatikan oleh orang lain (*observational opportunity*).

Menurut Bandura, proses mengamati dan meniru perilaku dan sikap orang lain sebagai model merupakan tindakan belajar. Teori Bandura

menjelaskan perilaku manusia dalam konteks interaksi timbal balik yang berkesinambungan antara kognitif, perilaku dan pengaruh lingkungan. Kondisi lingkungan sekitar individu sangat berpengaruh pada pola belajar sosial jenis ini.

Teori Pembelajaran Sosial turut menekankan kepentingan memerhati dan memodel tingkah laku, sikap, dan reaksi emosi orang lain. Bandura (1977), menerangkan tingkah laku manusia dari segi interaksi timbal-balik yang berterusan antara pengaruh kognitif, tingkah laku, dan persekitaran. Proses komponen pertama yang menjadi dasar kepada pembelajaran melalui pemerhatian ini adalah merangkumi peristiwa yang dimodelkan dan ciri-ciri pemerhati. Manakala komponen yang kedua, pengkalan iaitu termasuklah pengkodan simbolik, penyusunan kognitif, latihan simbolik dan, latihan motor, dan komponen yang ketiga, penghasilan semula motor, termasuklah kemampuan fizikal ketepatan tindak balas, dan motivasi.

Seperti yang dinyatakan oleh Bandura (1977) proses timbal balik akan berlaku dan hal ini mendorong anak-anak untuk lebih bermotivasi dalam pelajaran. Bruner (1960) berpendapat, dalam keadaan normal manusia mampu belajar dengan cara menemui sendiri perkaitan untuk membuat keputusan sendiri berdasarkan kepada pelbagai rangsangan yang terdapat di sekeliling. Menurut beliau, proses pengajaran yang menggunakan kaedah ini dapat menggalakkan pelajar mencapai celik akal dengan melalui pemikiran mereka sendiri. Manakala individu luar hanya berfungsi sebagai pemberi pandangan serta mengemukakan saranan tanpa cuba mengolah dan mempengaruhi tingkah laku seseorang pelajar. Maka hal ini secara tidak langsung menjurus dan menyokong kepada tingkah laku atau permodelan positif yang boleh dipamerkan oleh ibu bapa melalui keterlibatan mereka dalam pembelajaran anak-anak. Oleh itu Teori Pembelajaran Sosial dilihat dapat berfungsi untuk memenuhi aspirasi tersebut.

### METODOLOGI

Kajian ini adalah berasaskan pendekatan kualitatif yang menggunakan reka bentuk kajian kes. Peserta dalam kajian ini merupakan sampel bertujuan (Creswell, 2008). Pengkaji telah menetapkan kriteria pemilihan peserta kajian ini berdasarkan kesanggupan peserta kajian untuk ditemu bual serta memberi maklumat yang diperlukan. Kajian ini dijalankan terhadap seorang bapa yang mempunyai dua orang anak berkeperluan khas yang bersekolah di SK Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang yang berumur 10 tahun (1 orang) dan SMK Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang yang berumur 17 tahun (1 orang) dan seorang ibu yang mempunyai seorang anak berkeperluan khas yang berumur 9 tahun dan bersekolah di SK Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang. Menurut Taylor dan Bogdan, (1984), pengumpulan Data Kualitatif berbentuk deskriptif, berupa kata-kata

lisan atau tulisan tentang tingkah laku manusia yang dapat diamati. Data kualitatif terhasil daripada tiga jenis data sebagaimana berikut (Patton, 1990):

Hasil pemerhatian: huraian terperinci tentang situasi, kejadian, interaksi, dan tingkah laku yang diamati di lapangan.

Hasil pembicaraan/temubual: kutipan langsung dari pernyataan orang-orang tentang pengalaman, sikap, keyakinan, dan pemikiran mereka dalam kesempatan temubual mendalam

Bahan tertulis: petikan atau keseluruhan dokumen, surat-menyurat, rakaman, dan kes sejarah.

Terdapat beberapa teknik pengumpulan data yang digunakan untuk menghasilkan data deskriptif agar gambaran yang lebih menyeluruh tentang proses yang berlaku dalam kajian ini diperoleh. Untuk tujuan tersebut, dua teknik utama yang biasa digunakan dalam penyelidikan tindakan telah di gunakan oleh pengkaji iaitu:

i. **Pemerhatian**

Untuk mengkaji dan memahami sokongan yang diberi terhadap anak-anak berkeperluan khas, pemerhatian merupakan teknik berkesan dalam pengumpulan data. Lazimnya, dalam pemerhatian, pengkaji melihat-lihat, mendengar, memerhati dan bertanya untuk mendapatkan maklumat untuk memahami apa yang berlaku di sekolah atau di rumah. Melalui pemerhatian, pengkaji dapat merapatkan diri dengan responden dan anak responden di samping memerhati cara bentuk sokongan di rumah.

ii. **Temubual**

Pengkaji juga menggunakan teknik temu bual dalam pengumpulan data. Temu bual melibatkan perbualan antara pengkaji dengan responden dan anak responden

untuk mendapatkan maklumat yang relevan dengan kajian. Dalam kajian ini, pengkaji adalah penyelidik. Pengkaji menemu bual responden lelaki (RESPONDEN 1) iaitu seorang bapa yang telah kematian isteri tentang pengalaman mempunyai 3 orang anak berkeperluan khas (daripada 7 orang anak responden, 3 merupakan anak berkeperluan khas). Temu bual dijalankan di rumah responden di Kg. Baru Lanjut, Sepang. Responden merupakan seorang tukang kebun di SMK Bandar Baru Salak Tinggi (Pembantu Am Rendah) dan hanya berkelulusan tamat darjah 6. Responden memiliki ciri-ciri bermasalah pembelajaran di mana responden tidak lancar membaca dan menulis. Responden turut memaklumkan bahawa beliau adalah satu-satunya anak yang lambat daripada bilangan adik beradiknya yang berjumlah 13 orang. Selain itu pengkaji juga berpeluang menemubual anak responden yang lain.

Manakala responden kedua (RESPONDEN 2) merupakan seorang guru perempuan yang bertugas di SK Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang yang memiliki seorang anak lelaki bermasalah pembelajaran. Beliau merupakan lulusan Ijazah Sarjana Muda dari Open University dalam bidang Pendidikan Awal Kanak-kanak. Anak responden dikategorikan dalam kelompok bermasalah pembelajaran (disleksia). Temu bual bersama responden telah dijalankan di rumah responden di Desa Salak Permai, Sepang.

**DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam aspek sokongan ibu bapa berdasarkan faktor penyediaan suasana pembelajaran di rumah, interaksi sosial dengan anak, komunikasi dengan anak, dan sokongan terhadap kecemerlangan anak mengikut jantina?

*Jadual 1 - Keputusan dalam aspek sokongan ibu bapa mengikut jantina*

<b>Item</b>	<b>Jantina (Lelaki - bapa)</b>
Penyediaan suasana pembelajaran di rumah	Belajar di meja makan, berdekatan ruang menonton televisyen "dia suka tengok tv.....marah tak dapat tengok"
Interaksi sosial dengan anak	Jarang berbual dengan anak kerana sering bekerja lebih masa pada waktu malam untuk tambah pendapatan. "Saya bantu sedara kat warung lepas kerja, malam lak jadi jaga..... Balik anak dah tido"
Komunikasi dengan anak	Jarang berbincang berkaitan pelajaran anak kerana tidak faham apa yang dipelajari oleh anak. "Saya tak pandai...baca pun tak tahu sangat...belajar susah.."
Sokongan terhadap kecemerlangan anak	Ada (kadang kala) memberi nasihat untuk belajar "ada gak ingatkan dia...dapat jadi jaga pun ok"

Dapatan mendapati bahawa Responden 1 kurang berinteraksi dengan anak khususnya untuk mengetahui perkembangan pelajaran. Ini disebabkan sebagai ketua keluarga yang

berpendapatan rendah, responden perlu mendapatkan lain-lain sumber untuk menampung perbelanjaan isi rumah. Oleh itu masa untuk bersama anak-anak adalah terbatas.

Item	Jantina (Perempuan-ibu)
Penyediaan suasana pembelajaran di rumah	Anak disediakan bilik khas untuk mengulangkaji “ <i>semua anak saya ada bilik, kami ada bilik belajar...</i> ”
Interaksi sosial dengan anak	Sering berbual, mendengar cerita dan masalah anak berkaitan pelbagai perkara “ <i>saya dan suami seronok dengar anak cerita hal sekolah..</i> ”
Komunikasi dengan anak	Sentiasa ambil tahu dan bertanya tentang pelajaran yang dipelajari “ <i>setiap malam saya luangkan masa selepas mengemas dapur,... duduk sama anak-anak tengok mereka ulangkaji, semak buku...</i> ”
Sokongan terhadap kecemerlangan anak	Kerap memberi pujian terhadap kejayaan dan menegur kesilapan anak. “ <i>...ada token ekonomi untuk anak-anak, bawa jalan-jalan seperti melancong...</i> ”

Responden ke-2 amat menitikberatkan pelajaran anak dengan memastikan penyediaan bilik yang kondusif untuk mengulangkaji serta sering meluangkan masa bersama anak untuk berkongsi masalah dan mengetahui perkembangan pelajaran. Oleh itu dapatan Jadual 1 menunjukkan terdapat perbezaan sokongan terhadap pendidikan anak-anak pendidikan khas dalam kalangan lelaki (bapa) dan ibu (perempuan). Didapati bahawa penyediaan suasana pembelajaran di rumah; kekerapan berkomunikasi, interaksi sosial serta

sokongan terhadap kecemerlangan lebih dititikberatkan oleh kelompok ibu (perempuan) berbanding lelaki (bapa).

ii. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam aspek sokongan ibu bapa berdasarkan faktor penyediaan suasana pembelajaran di rumah, interaksi sosial dengan anak, komunikasi dengan anak, dan sokongan terhadap kecemerlangan anak mengikut peringkat kelulusan tertinggi ibu bapa?

Jadual 2 - Keputusan dalam aspek sokongan ibu bapa mengikut peringkat kelulusan tertinggi ibu bapa

Item	Kelulusan tertinggi Bapa: - Tamat Darjah 6 Sekolah Rendah
Penyediaan suasana pembelajaran di rumah	Kurang menitikberatkan aspek kemas dan bersih pada ruang belajar “ <i>kerja sekolah buat kat meja makan, atas lantai jer....kadang-kadang terus tido sampai pagi...</i> ”
Interaksi sosial dengan anak	Jarang melakukan aktiviti seperti riadah bersama-sama kerana kesuntukan masa “ <i>saya sakit kaki, semput, darah tinggi,...tak leh kuat-kuat</i> ”
Komunikasi dengan anak	Ada bertanya guru kelas tentang anak, tetapi tidak sukar faham cara yang betul untuk membantu anak dalam pelajaran “ <i>ada gak jumpa cikgu kelas dia,...satu sekolah dengan anak, selalu gak cikgu dia belanja makan kat kantin...cikgu</i> ”

Sokongan terhadap kecemerlangan anak	<i>paham saya orang susah....”</i> Anak tidak menyertai sebarang kelas tambahan/tusyen di luar dan hanya bergantung kepada buku rujukan di sekolah kerana tidak mampu <i>“tak ada duit....nak makan pun zakat, baitul mal, kebajikan bantu...nasib anak sulong dah kerja jaga...”</i>
--------------------------------------	---

Dapatan turut menunjukkan bahawa Responden 1 kurang memberi tumpuan terhadap aspek ruang belajar. Hasil pemerhatian pengkaji di rumah responden turut menyaksikan aspek bersih dan kemas tidak diberi penekanan. Oleh kerana Responden mengkategorikan dirinya “tidak pandai”, responden merasa malu dan

sukar untuk berinteraksi dengan guru kelas untuk mengetahui perkembangan pelajaran anak responden. Selain itu, responden hanya bergantung kepada buku rujukan di sekolah kerana tiada kerja rumah yang diberi oleh guru.

Item	Kelulusan tertinggi Ibu - Ijazah Sarjana Muda (DG 44)
Penyediaan suasana pembelajaran di rumah	Ruang belajar anak kemas, bersih dan jauh dari gangguan bunyi seperti televisyen, radio <i>“masa belajar....no tv, handphone bagai...”</i>
Interaksi sosial dengan anak	Kerap makan bersama, melakukan aktiviti seperti menonton, bersiar-siar <i>“seronok tonton wayang kat Alamanda ngan family....”</i>
Komunikasi dengan anak	Sering bertanya guru kelas, menghubungi sekolah untuk menghulurkan bantuan <i>“kalau tak ikut program, saya sumbang duit atau makanan untuk anak dan kawan dia....”</i>
Sokongan terhadap kecemerlangan anak	Menyediakan anak dengan pelbagai kaedah pembelajaran seperti buku rujukan, audio visual dan sebagainya. <i>“kawan saya bantu gak lepas sekolah...”</i>

Responden ke-2 amat mementingkan pencapaian dalam pendidikan anak walau pun anak responden merupakan murid berkeperluan khas. Oleh itu berdasar kepada dapatan Jadual 2, jelas menunjukkan terdapat perbezaan sokongan terhadap pendidikan anak-anak pendidikan khas mengikut peringkat kelulusan tertinggi ibu bapa. Didapati bahawa penyediaan suasana pembelajaran di rumah; kekerapan berkomunikasi, interaksi sosial serta sokongan terhadap kecemerlangan lebih dititikberatkan oleh kelompok ibu bapa yang berpendidikan.

Dapatan kajian ini sealiran dengan pendapat Mayhew dan Lempers (1998) yang mendapati dalam keluarga yang mengalami kekangan dari segi kewangan, ibubapa mereka kurang memberikan sokongan kepada anak. Kajian Mayhew dan Lempers(1998) selaras dengan pernyataan Noraini (1994) yang menyatakan anak-anak dari keluarga yang mempunyai status sosioekonomi yang tinggi adalah lebih maju dalam pembelajaran dan memperoleh gred pencapaian yang tinggi

berbanding anak-anak dari keluarga yang mempunyai status ekonomi yang rendah. Ini adalah kerana dalam keadaan status sosioekonomi yang tinggi ibubapa mampu memberikan sokongan dan menyediakan kemudahan serta persekitaran yang selesa untuk belajar.

Kajian oleh Zarinah Arshat & Rozumah Baharudin (2011), pula mendapati tingkah laku dan penglibatan ibubapa yang miskin dalam pendidikan anak-anak dipengaruhi juga oleh tahap pendidikan ibu bapa. Ibu bapa yang berpendidikan tinggi kebiasaannya melihat hubungan anak sebagai sebagai dua hala, bersifat resiprokal (Dekovic & Gerris, 1992), banyak melibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran anak dan mengamalkan komunikasi yang positif dan terbuka. Komunikasi yang terbuka membolehkan ibu bapa menunjukkan kasih sayang melalui sentuhan, kemesraan dan sokongan. Adalah menjadi fitrah manusia untuk disayangi dan menyayangi. Tanpa kasih sayang, seseorang itu mungkin menghadapi berbagai-bagai masalah emosi


(Kamarudin, 1996). Justeru itu, ibu bapa perlu mempelajari bagaimana untuk menjadi seorang pendengar yang aktif dan juga mengesahkan keperluan dan permasalahan anak-anak mereka terutamanya dalam masalah pendidikan dan sosial anak-anak mereka (Rak & Patterson, 1996).

Dapatan kajian oleh Abd. Halim et al, (2005) menyatakan kemiskinan keluarga dan kekurangan pendidikan dalam kalangan ibu bapa mungkin menyumbang kepada kepercayaan anak-anak bahawa kekangan ekonomi akan menyekat anak-anak untuk mencapai cita-cita. Ini menyebabkan ibu bapa berasa anak-anak mereka tiada harapan yang tinggi untuk berjaya dalam pendidikan dan ini akan mempengaruhi penglibatan ibu bapa dalam proses pembelajaran anak-anak di rumah. Kajian yang

dilakukan di Amerika Syarikat, data dari National Assessment for Educational Progress (NAEP) menunjukkan pelajar-pelajar daripada golongan sosio ekonomi rendah menghadapi masalah pencapaian dalam mata pelajaran utama seperti Matematik dan Sains. Menurut Bracey (2003), pelajar miskin kerugian kerana sebab-sebab gaya hidup mereka. Pertamanya, ibu bapa mereka kurang bercakap dengan anak-anak mereka berbanding pelajar dari golongan yang lebih berada.

### IMPLIKASI

Hasil daripada kajian, pengkaji telah menghasilkan model baru yang dikenali sebagai model sokongan ibu bapa. Model ini digambarkan oleh pengkaji seperti Rajah 1.



Rajah 1 - Model SIB

Berdasarkan Model SIB, empat aspek utama yang saling berkait antara satu sama lain iaitu penyediaan suasana pembelajaran di rumah, interaksi sosial dengan anak, komunikasi dengan anak, dan sokongan terhadap kecemerlangan anak-anak. Merujuk kepada Teori Pembelajaran Sosial, sikap ibu bapa yang cenderung melibatkan diri terhadap pembelajaran anak-anak akan mendapat hasil timbal balik apabila anak-anak mereka menunjukkan peningkatan dalam pendidikan. Seperti yang dinyatakan oleh Bandura (1977) proses timbal balik akan berlaku dan hal ini akan mendorong anak-anak untuk lebih bermotivasi dalam pelajaran. Sehubungan itu, semua ibu bapa

boleh menjadikan model SIB ini sebagai satu simbol pegangan ketika melaksanakan amanah dan peranan dalam memberi sokongan terhadap pendidikan anak-anak. Simbol model ini wajar diimplimentasikan agar sokongan terhadap pendidikan anak-anak khususnya anak-anak berkeperluan khas dapat dioptimumkan.

### RUMUSAN

Walaupun sekolah merupakan institusi formal yang memberikan anak-anak pendidikan, namun peranan ibubapa tidak boleh dipandang remeh. Menurut Rohaty (2003), peranan sokongan dan keterlibatan ibubapa dalam membentuk anak-anak yang berpendidikan



adalah amat penting bagi melahirkan generasi yang mempunyai matlamat dan merebut peluang pendidikan yang diberikan untuk membina masa hadapan yang cemerlang. Masalah dan kekangan utama anak-anak berkeperluan khas ini untuk mendapatkan pendidikan sempurna bukan disebabkan mereka tidak mempunyai wang yang cukup tetapi di sebabkan oleh kurangnya sokongan dan penglibatan serta perhatian ibubapa dalam aktiviti pembelajaran serta

## RUJUKAN

Abd. Halim, T, Zuria. M, & Safani, B. (2005). Permasalahan Pelajar-pelajar Fakir Miskin di Daerah Sabak Bernam.

*Jurnal Pendidikan* 30 (2005). 21– 33. Fakulti Pendidikan : Universiti Kebangsaan Malaysia

Abd. Razak Zakaria, Noraini Mohd Salleh. (2011). *Jurnal Pendidikan Malaysia* 36(1)(2011): 35-44. Konteks Keluarga dan Hubungannya dengan Penglibatan Ibu Bapa dalam Pendidikan Anak-anak di Sekolah Menengah. Kuala Lumpur. Universiti Malaya.

A., & Conway.K. (2008). Parental effort, school resources, and student achievement. *Journal of Human*

*Resources*, 43, 437-453.

Arnold, D. H., Zeljo, A. & Doctoroff, G. L. (2008). *Parent involvement in preschool: Predictors and the relation*

*of involvement to pre-literacy development.* School Psychology Review 37(1): 74-89.

Bandura, A. (1997). *Social learning theory.* New Jersey: Prentice-Hall.

Getswicki, C. (2004). *Home, Schools, and Community Relations: A Guide to Working with Families.* Fifth

Edition. United States of America: Delmar Learning.

Henderson, A. T., & Mapp, K. L. (2000). *A new wave of evidence: The impact of family, school, community connections on student achievement.* Austin, TX: Southwest Educational Development Laboratory Houtenville.

Ishak Mad Shah. (2004). Konsep sendiri dan pencapaian akademik golongan remaja: melihat sejauhmana gaya

kepemimpinan ibu bapa sebagai moderator. *Jurnal Teknologi*, 40(E), 33- 44.

aktiviti sosial anak-anak di rumah. Hasil kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa konteks keluarga yang kondusif dan harmoni mampu merangsang anak-anak berjaya dalam pelajaran. Sokongan dan penglibatan ibu bapa memainkan peranan penting dalam pembelajaran anak-anak kerana ia mampu merangsang pencapaian akademik yang cemerlang dikalangan anak-anak khususnya anak-anak berkeperluan khas.

Berger, E.H. (1995). *Parents as Partners in Education: Families and Schools Working Together* (4th ed.). New

York: Merrill Prentice-Hall, Englewood Cliffs.

Castro, D.C., Bryant D.M., Peisner-Feinberg,E.S., Skinner, M.L. (2004). *Parent involvement in Head Start*

*programs: the role of parent, teacher and classroom characteristics.* Early Childhood Research Quarterly 19 :413–430

Christenson, S. L. & Sheridan, S. M. (2001). *School and families: Creating essential connections for learning.*

New York: Guilford Press.

Christenson, S. L., Rounds, T. & Gorney, D. (1992). *Family factors and student achievement: An avenue to*

*increase students' success.* School Psychology Quarterly 7: 178-206.

Creswell, J.W. 1994. *Research design: qualitative & quantitative approaches.* Thousand Oaks: Sage Publications.

Ismail Ibrahim .(2002). *Disiplin Keluarga Jadi Penentu.* Diperoleh pada September 22, 2016 daripada

[http://www.cikgu.net.my/malay/berita/more\\_berita](http://www.cikgu.net.my/malay/berita/more_berita).

Jasmi, K. A. (2012). *Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif* dalam Kursus Penyelidikan

Kualitatif Siri 1 2012 at Puteri Resort Melaka on 28-29 Mac 2012. Organized by Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim, Jalan Datin Halimah, 80350 Johor Bahru, Negeri Johor Darul Ta'zim.

Knollman, M., & Wild, E. .(2007). Quality of parental support and students' emotions during homework:

- Moderating effects of students' motivational orientations. *European Journal of Psychology of Education*, 22, 63-76.
- Lareau, A. (2000). *Home advantage: Social class and parental intervention in elementary education*. Lanham, MD: Roman & Littlefield.
- Marchant, G. J., Paulson, S. E., dan Rothlisberg, B. A. (2001). *Relations of middle school students' perceptions of family and school contexts with academic achievement*. *Psychology in the Schools*, 38, 505 -519.
- Marshall, C., & Rossman, G. B. (1989). *Designing qualitative research*. Newbury Park, CA:Sage.
- Morrison, G.S. (1978). *Parent involvement in the home, school and community*. Ohio: Charles E. Merrill Publishing Company.
- PADU. (2015). Transformasi Pendidikan Malaysia. *Buletin Anjakan : Buletin Transformasi Pendidikan Malaysia, Feb. 2015*, ms 1
- Rohaty Mohd Majzub. (2003). *Pendidikan prasekolah: Cabaran Kualiti* (Syarahan Perdana). Bangi: Penerbitan Malindo Sdn. Bhd
- Rohner, Ronald P. dan Veneziano, R.A. (2001). *The Importance of Father Love: History and Contemporary Evidence*. American Psychological Association.
- Shaverand, A. V. & Walls, R. T. (1998). Effect of title 1, parental involvement on student reading and mathematics achievement. *Journal of Research and Development in Education* 31(2): 91-97
- West, A., Noden, P., Edge, A. & David, M. (1998). Parental involvement in education in and out of school. *British Educational Research Journal* 24(4): 461-483.
- Yamamoto, Y., Holloway, S.D., & Suzuki, S. (2006). *Maternal involvement in preschool children's education in Japan: Relation to parenting beliefs and socioeconomic status*. *Early Childhood Research Quarterly* 21 (2006): 332– 346

## LAMPIRAN

## Senarai semak

ITEM	PERINCIAN	RESPONDEN 1- (L)	RESPONDEN 2-(P)
<b>Penyediaan suasana pembelajaran di rumah</b>	Ruang belajar anak	✓	✓ (bilik peribadi)
	Jadual belajar	X	✓
	Mengurangkan gangguan bunyi daripada radio atau televisyen semasa anak belajar	✓	✓ (sentiasa)
	tempat belajar yang kemas dan bersih ada buku rujukan	X X	✓ ✓
<b>Interaksi sosial dengan anak</b>	Berbual-bual dengan anak	✓	✓ (kerap)
	Bercerita kepada anak	✓	✓ (kerap)
	Makan bersama anak	✓	✓
	Beriadah/melakukan aktiviti bersama anak	X (jarang)	✓ (kerap)
<b>Komunikasi dengan anak</b>	Berbincang dengan anak mengenai pelajaran	✓ (jarang)	✓ (kerap)
	Mendengar anak bercerita tentang sekolah	✓	✓ (kerap)
	Menghubungi pihak sekolah mengenai kemajuan anak	✓	✓ (kerap)
<b>Sokongan terhadap kecemerlangan anak</b>	Memberi pujian dan rangsangan kepada anak	✓	✓ (kerap)
	Memberi dorongan/motivasi kepada anak	✓	✓ (kerap)
	Membaca bersama anak	X	✓ (kerap)
	Membimbing anak menyiapkan kerja sekolah	✓ (jarang)	✓ (kerap)
	Menyediakan bimbingan/tuisyen kepada anak	X	✓